

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]

SOALAN : Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:
Dasar dan garis panduan untuk lesen penternakan diberi kepada industri penternakan babi:

- a) Setakat ini, berapa lesen telah dikeluarkan mengikut setiap negeri; dan
- b) Adakah kita masih bergantung kepada import daging babi dari negara jiran dan terdapat berapa permohonan lesen masih belum diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Bilangan lesen yang telah dikeluarkan mengikut negeri setakat Julai 2017 adalah seperti pada jadual berikut:

Bil.	Negeri	Bil. Lesen
1.	Pulau Pinang	183
2.	Perak	115
3.	Selangor	124
4.	Negeri Sembilan	1
5.	Melaka	7
6.	Johor	47
	JUMLAH	477

(b) Malaysia hanya mengimport 5% daging babi dari negara-negara jiran, negara-negara Eropah, Australia dan Amerika Utara.

Jumlah permohonan lesen yang belum diluluskan adalah satu (1) di negeri Selangor dan dua puluh sembilan (29) di negeri Melaka. Pemohonan ini masih belum diluluskan kerana ladang-ladang tersebut gagal memenuhi syarat-syarat pelesenan terutamanya bacaan *Biochemical Oxygen Demand* (BOD) bagi air kumbahan dari ladang mesti kurang daripada 50 *parts per million* (ppm).

Lesen akan dikeluarkan setelah syarat-syarat pelesenan dipatuhi oleh ladang penternakan.

RT12/151

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : TUAN M. KULASEGARAN
DARIPADA [IPOH BARAT]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berikutan Laporan dari Unit Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-Sekolah Tamil (PTST) yang menyatakan bahawa RM2 juta daripada bajet 2012 telah diberikan untuk membina SJKT Ladang Minyak/ Serendah, sejak laporan tersebut 7 tahun telah berlalu dan sekolah tersebut tidak dibina, sebaliknya hanya ada batu-batu di tapak tersebut dan apakah tindakan lanjut Kementerian.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek cadangan Tapak Baru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Minyak, Serendah, Selangor adalah di bawah Peruntukan Pakej Rangsangan Khas Tahun 2012 (reka & bina) yang telah tamat pada 4 Januari 2016 mengikut kontrak. Kelewatan pembinaan SJKT Ladang Minyak berlaku disebabkan oleh isu status pemilikan tanah. Kontraktor pelaksana telah memohon perlanjutan masa dan ianya telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Status semasa projek pada masa ini adalah di peringkat permohonan Kebenaran Merancang. Projek

akan dilaksanakan secara Reka dan Bina dengan kos sebenar berjumlah RM6.4 juta. Projek ini masih berhadapan dengan masalah isu pemilikan tanah kerana tidak mendapat kerjasama daripada Ahli Pemegang Amanah. Tanpa tandatangan mereka, Kebenaran Merancang tidak dapat diproses.

KPM komited untuk menunaikan tanggungjawab menyediakan kemudahan pendidikan kepada masyarakat. Oleh itu, projek ini akan tetap dilaksanakan walaupun mengambil masa, setelah urusan pemilikan tanah dengan pihak berkuasa tempatan diselesaikan.